



DONOR REPORT

# LAPORAN TAHUNAN CSM 2024

[www.cintasyriamalaysia.com](http://www.cintasyriamalaysia.com)

# KEADAAN DI SYRIA



## Situasi Politik dan Ketenteraan

- Sepanjang 2024, Syria masih di bawah pemerintahan Bashar al-Assad yang berdepan dengan tekanan hebat daripada pembangkang dan campur tangan asing, terutamanya selepas lebih satu dekad perang saudara sejak 2011.
- Pemerintahan Assad ketika itu semakin lemah akibat beberapa faktor; iaitu keadaan moral tentera yang rendah, kekurangan sokongan luar, sekatan ekonomi yang berterusan dari Barat, dan kehilangan kawalan ke atas banyak wilayah utama kepada kumpulan pembangkang dan militan.
- Pada 27 November 2024, tentera pejuang yang diketuai Hayat Tahrir al-Sham (HTS) dan disokong oleh Tentera Nasional Syria melancarkan serangan besar-besaran ke atas bandar-bandar utama iaitu Aleppo, Homs, dan akhirnya Damsyik, menandakan keruntuhan pusat pertahanan kerajaan.

## Kehilangan Kawalan dan Krisis Dalaman

- Assad dan kerajaan Ba'ath kehilangan kawalan politik secara drastik. Pegawai kanan kerajaan mula berunding dengan pembangkang dan beberapa kawasan utama menyaksikan protes besar-besaran serta pembelotan anggota tentera.
- Penarikan balik sokongan daripada sekutu utama seperti Rusia (yang menumpukan perhatian kepada konflik di Ukraine) dan Hizbullah (yang terlibat dalam konflik dengan Israel) turut mempercepatkan keruntuhan kerajaan Assad.
- Pada 7 Disember 2024, pembangkang menguasai Homs dan mula mara ke Damsyik, menyebabkan ramai pegawai kanan kerajaan melarikan diri ke luar negara.

## Kehidupan Rakyat dan Ekonomi

- Pada tahun 2024, terdapat sekitar 6.25 juta pelarian Syria yang berdaftar di seluruh dunia, dengan majoriti menetap di negara jiran seperti Türkiye, Lubnan, dan Jerman. Selain itu, terdapat juga kira-kira 7.41 juta pelarian dalaman (IDP) di dalam Syria sendiri.
- Lebih 800,000 orang terpaksa kehilangan tempat tinggal akibat pertempuran yang kembali meletus, khususnya di wilayah Idlib, Hama, dan kawasan sekitar Damsyik.
- Rakyat Syria terus menderita akibat kemusnahan infrastruktur, kekurangan bekalan asas, dan sekatan ekonomi yang menjejaskan kehidupan harian mereka.
- Ketegangan sektarian semakin ketara dan insiden keganasan terhadap komuniti setempat yang disyaki menyokong rejim Assad, terutama di wilayah Latakia dan Tartous.
- Bantuan kemanusiaan sangat terhad dan ekonomi negara hampir lumpuh akibat sekatan serta kehilangan kawalan ke atas sumber utama negara.

## Akhir Pemerintahan Assad

- Pada 8 Disember 2024, Assad dilaporkan melarikan diri dari Damsyik ke Rusia bersama keluarganya, menandakan berakhirnya pemerintahan keluarga Assad yang telah bermula sejak 1971.
- Selepas kejatuhan Damsyik, tentera pejuang membebaskan tahanan politik dari penjara utama iaitu Penjara Sednaya dan menguasai institusi penting negara, sementara kerajaan Assad secara rasmi dibubarkan.





# PENGENALAN

Persatuan Cinta Syria Malaysia (CSM) bermula dengan gerakan sekumpulan mahasiswa Malaysia yang ditubuhkan di Mafraq, Jordan pada tahun 2013 dengan nama asalnya iaitu Tangisan Syria di Bumi Jordan (TSDBJ) sebelum didaftarkan sebagai CSM pada tahun 2014.

Syukur sehingga hari ini lebih 2 juta individu telah kita bantu daripada projek bermusim sehinggalah projek jangka masa panjang, termasuklah pembukaan tiga buah sekolah. Usaha ini bagi memastikan kita terus menjadi NGO utama dalam mendepani isu kemanusiaan Syria.

## VISI

- Cinta Syria Malaysia ingin menjadi penunjang dalam menangani isu kemanusiaan menjelang tahun 2027

## MISI

- Komited dalam menyediakan hak pendidikan anak-anak
- Menyokong dalam mana-mana objek lain yang berguna untuk komuniti Syria.
- Mengekalkan bantuan yang diberikan sepanjang tahun



Alhamdulillah, tahun 2024 merupakan antara tahun paling bersejarah buat Syria. Kejatuhan rejim yang telah lama memerintah membuka lembaran baharu dalam sejarah negara itu. Lebih daripada sekadar perubahan politik, ia memberi ruang untuk rakyat Syria memulakan fasa pembangunan semula negara yang telah sekian lama dilanda kemusnahan.

Walaupun cabaran masih besar, rakyat Syria kini tampil dengan semangat baharu – membina semula komuniti, membuka akses pendidikan, menjana pendapatan, dan mencipta masa depan yang lebih stabil. Dalam suasana geopolitik yang berubah dan keperluan yang semakin mendesak, CSM terus komited menjalankan amanah ini. Kita bukan sekadar menyampaikan bantuan, tetapi menjadi rakan dalam proses pemulihan dan pembinaan semula harapan.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada anda, para penyumbang yang budiman. Dengan sokongan anda, Cinta Syria Malaysia terus dapat menjalankan amanah membantu mereka yang memerlukan. Laporan ini memaparkan hasil daripada sumbangan anda – harapan yang dibina semula dan kehidupan yang dipulihkan.

Marilah kita terus berganding bahu. Selagi masih ada yang memerlukan, perjuangan ini belum selesai.

**YOUR HELP, THEIR FUTURE**

# PENCAPAIAN 2024

## Pengiktirafan QMS ISO 9001:2015

Cinta Syria Malaysia telah menerima pengiktirafan QMS ISO 9001:2015 sebagai bukti komitmen terhadap sistem pengurusan berkualiti, cekap, telus dan berkesan dalam merancang, melaksana serta memantau program kemanusiaan dengan piawaian antarabangsa demi memastikan keberkesanan impak dan kepercayaan para penyumbang sentiasa terpelihara.



## Individu Berjaya di Malaysia dan Singapura

Tuan Musa Al- Nuwayri, CEO CSM telah tersenarai dalam *Successful People in Malaysia and Singapore* terbitan *British Publishing House*, sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau dalam bidang kemanusiaan. Dedikasi beliau melalui Cinta Syria Malaysia telah memberi impak besar dalam membantu pelarian Syria dan mereka yang memerlukan.

## 10 CSO Terbaik Malaysia

Puan Nur Adibah Razali, CSO Cinta Syria Malaysia, telah tersenarai sebagai salah seorang daripada Top 10 Chief Strategy Officers in Malaysia 2024 oleh CEO Insights Asia. Pengiktirafan global ini mengiktiraf kepimpinan strategik beliau dalam menggerakkan perancangan dan pelaksanaan inisiatif kemanusiaan yang berimpak tinggi di peringkat tempatan dan antarabangsa.



## Pelancaran 10 Tahun CSM

Cinta Syria Malaysia (CSM) telah melancarkan sambutan 10 Tahun penubuhannya sebagai tanda penghargaan atas sokongan rakyat Malaysia dalam perjuangan kemanusiaan. Pelancaran ini menampilkan refleksi pencapaian, manfaat bantuan, dan komitmen CSM untuk terus berkhidmat, membina harapan serta masa depan yang lebih baik buat pelarian Syria.

# SUMBANGAN ANDA HARAPAN MEREKA

Sepanjang tahun 2024, ini adalah usaha yang telah kita lakukan bersama untuk membantu mereka yang memerlukan. Tanpa sumbangan daripada penderma yang setia bersama Cinta Syria Malaysia, usaha ini tidak akan mampu untuk sampai kepada mereka.

**RM3.2**

Juta

Dana Terkumpul

**106,597**

Individu

Penerima Manfaat

**6**

Negara

Negara Disantuni

**20+**

Projek

Projek Aktif

59,422 individu  
RM1,674,651.30

**52%**

## BANTUAN KEBAJIKAN

Tiga projek utama bagi elemen kebajikan iaitu agihan bantuan bagi Ramadan Mission, Qurban Mission dan Winter Mission.

4,197 individu  
RM1,055,451.91

**33%**

## BANTUAN PENDIDIKAN

Projek pendidikan memfokuskan 3 buah sekolah untuk komuniti Syria iaitu di Jordan, Afrin Syria dan Bandar Baru Bangi, Malaysia.

43,008 individu  
RM481,742.13

**15%**

## BANTUAN KECEMASAN

Bantuan kecemasan adalah untuk Bantuan Syria, Bantuan Palestin atau komuniti yang memerlukan melalui CSM HOPE.

Teruskan Menyumbang di [www.cintasyriamalaysia.com](http://www.cintasyriamalaysia.com)





# AGIHAN BANTUAN KEBAJIKAN



## WINTER MISSION

Jumlah Agihan : RM344,128.55  
Penerima Manfaat : 12,668



## RAMADAN MISSION

Jumlah Agihan : RM835,504.00  
Penerima Manfaat : 17,651



## QURBAN MISSION

Jumlah Agihan : RM495,018.86  
Penerima Manfaat : 29,103



### 59,422

Penerima manfaat  
keseluruhan untuk  
bantuan kebajikan.



### RM1,674,651.30

Dana diagihkan bagi  
bantuan bantuan  
kebajikan pada tahun  
2024.



# BANTUAN KEBAJIKAN

## WINTER MISSION

Jumlah Agihan : RM344,128.55

Penerima Manfaat : 12,668

### Bantuan Makanan

Bantuan makanan diberikan dalam bentuk kotak makanan, pek roti dan set *ready to eat* kepada pelarian Syria. Jumlah agihan yang dilakukan adalah sebanyak RM65,789.55 sepanjang kempen ini dijalankan.

### Bahan Bakar & Pemanas

Bahan bakar diberikan sama ada dalam bentuk minyak diesel atau arang (birin) kepada setiap keluarga selain alat pemanas. Jumlah agihan yang telah berjaya dilakukan adalah sebanyak RM43,070.80.

### Winter Kit

Bagi bantuan Winter Kit, kita telah berjaya mengedarkan baju sejuk, tilam dan selimut untuk membantu mereka kekal panas ketika musim ini. Dana yang telah diagihkan adalah sebanyak RM19,768.20.

### Bantuan Pendidikan

Turut dijalankan adalah bantuan pendidikan untuk pusat-pusat pendidikan di bawah Cinta Syria Malaysia yang berjalan sepanjang tahun. Jumlah yang diagihkan adalah sebanyak RM97,500.00.



### Solar untuk Syria

RM118,000.00 adalah jumlah dana yang diagihkan untuk projek ini. Projek Solar untuk Syria adalah projek kelestarian yang dijalankan bagi membantu pelarian Syria di kem pelarian untuk menambah baik kualiti hidup mereka dengan dibekalkan tenaga elektrik menggunakan solar panel yang disumbangkan.



# BANTUAN KEBAJIKAN RAMADAN MISSION

Jumlah Agihan : RM835,504.00

Penerima Manfaat : 17,651

## Bantuan Makanan

Bantuan makanan diberikan dalam bentuk kotak makanan, makanan panas dan set iftar dan sahur serta pek *ready to eat* kepada pelarian Syria. Jumlah agihan yang dilakukan adalah sebanyak RM252,099.40 sepanjang kempen ini dijalankan.

## Kit Kanak-Kanak

Edaran joy kit serta baju raya diberikan kepada anak-anak Syria ini bagi memberikan sedikit kegembiraan buat mereka pada bulan Ramadan dan menjelang hari raya. Agihan yang dilakukan adalah sebanyak RM47,549.16.

## Al-Quran & Kit Ibadah

Bagi Ramadan kali ini, kita turut mengedarkan al-Quran dan kit yang mengandungi sejadah serta tasbeih digital yang dapat membantu mereka beribadah dengan lebih baik. Agihan yang dilakukan adalah sebanyak RM3,570.00.

## Bantuan Pendidikan

Turut dijalankan adalah bantuan pendidikan untuk pusat-pusat pendidikan di bawah Cinta Syria Malaysia yang berjalan sepanjang tahun. Jumlah yang diagihkan adalah sebanyak RM320,900.00.



## MySyria Kampung KITA

RM120,541.25 telah diagihkan bagi projek MySyria Kampung KITA iaitu sebuah projek perumahan bagi penempatan semula pelarian Syria yang tinggal di sekolah yang hampir musnah selepas dijadikan markas untuk peperangan.



# BANTUAN KEBAJIKAN QURBAN MISSION

Jumlah Agihan : RM495,018.86


Penerima Manfaat : 29,103

## Korban4Syria

Bagi projek korban ini, agihan dilakukan di beberapa buah negara yang menempatkan pelarian Syria sama ada di Jordan, Lubnan mahupun di dalam Syria sendiri. Sebanyak 51 ekor kambing telah dikorbankan dan 20 ekor lagi dijadikan sebagai sedekah daging untuk diedarkan kepada komuniti di sana. Jumlah dana yang telah diagihkan untuk projek ini adalah sebanyak RM120,483.00.

## Korban4Hope

Sri Lanka adalah negara yang mempunyai minoriti muslim, juster pada tahun ini projek korban turut dilakukan bagi membantu saudara kita di sana. Korban di Sri Lanka menfokuskan korban lembu sebanyak 102 ekor lembu yang dikorbankan dengan tambahan 3 ekor lembu sebagai sedekah daging untuk komuniti di sana. Jumlah dana yang telah diagihkan untuk projek ini adalah sebanyak RM297,025.00.



## Bantuan Pendidikan

Turut dijalankan adalah bantuan pendidikan untuk pusat-pusat pendidikan di bawah Cinta Syria Malaysia yang berjalan sepanjang tahun. Jumlah yang diagihkan adalah sebanyak RM 77,510.86.

# AGIHAN BANTUAN KECEMASAN



## BANTUAN SYRIA

Jumlah Agihan : RM36,707.01  
Penerima Manfaat : 2,012



## BANTUAN PALESTIN

Jumlah Agihan : RM414,300  
Penerima Manfaat : 12,408



## CSM HOPE

Jumlah Agihan : RM30,735.12  
Penerima Manfaat : 28,588



### 43,008

Penerima manfaat  
keseluruhan untuk  
bantuan kecemasan.



### RM481,742.13

Dana diagihkan bagi  
bantuan kecemasan bagi  
tahun 2024.





# BANTUAN KECEMASAN

## BANTUAN SYRIA

Jumlah Agihan : RM36,707.01

Penerima Manfaat : 2,012

### Bantuan Perubatan


Bantuan Perubatan adalah bagi membantu kos-kos perubatan seperti pembedahan yang diperlukan segera untuk pelarian Syria. Jumlah agihan yang dilakukan adalah sebanyak RM20,694.10 sepanjang tahun 2024.

### Bantuan Sara Hidup

Bantuan Sara Hidup merangkumi bantuan bagi bantuan perlindungan untuk kelangsungan hidup pelarian di Malaysia sama ada tempat tinggal atau pendidikan. Jumlah agihan yang dilakukan adalah sebanyak RM11,341.66 sepanjang tahun 2024.

### Bantuan Makanan

Antara projek yang dijalankan adalah agihan pek makanan kepada pelarian Syria yang memerlukan, kotak makanan dengan kerjasama Charity Right dan juga sedekah daging dengan kerjasama MudahAmal.



### Bantuan Pembebasan Syria

Bantuan ini adalah untuk membantu pelarian Syria setelah mereka beroleh kemenangan dengan tamatnya pemerintahan yang kejam setelah berpuluh tahun.

# BANTUAN KECEMASAN

## BANTUAN PALESTIN

Jumlah Agihan : RM500.00

Penerima Manfaat : 8

### Bantuan Sara Hidup

Bantuan Sara Hidup merangkumi agihan bagi bantuan perlindungan untuk kelangsungan hidup rakyat Palestin di Malaysia. Sumbangan ini adalah bagi membolehkan keluarga ini mendapatkan perlindungan yang sewajarnya dan membolehkan mereka meneruskan kehidupan di negara kita.

### Bandar Wakaf Gaza

Bandar Wakaf Malaysia di Gaza merupakan inisiatif pembangunan semula pascakonflik yang komprehensif, hasil kerjasama kerajaan Malaysia, agensi negeri, badan wakaf, NGO dan rakyat. Berteraskan konsep wakaf, projek ini menyasarkan pembangunan mampan untuk komuniti Gaza. Dalam fasa Pasca Pemulihan, Cinta Syria Malaysia (CSM) akan memberi fokus kepada pembinaan Taman Permainan Kanak-Kanak, sebagai usaha pemulihan psikososial dan sokongan kepada kesejahteraan anak-anak Gaza.



### Situasi 2024

Segala usaha untuk menyampaikan bantuan kecemasan kepada rakyat Palestin sentiasa menjadi keutamaan kami. Namun begitu, penyampaian bantuan tertakluk kepada faktor keselamatan dan keadaan semasa di sempadan, khususnya penutupan pintu masuk ke Gaza. Justeru, kami telah mengoptimumkan sumber dan tumpuan kepada inisiatif pembangunan jangka masa panjang seperti pemulihan komuniti dan projek wakaf. Segala bantuan lain akan dihantar serta-merta sebaik sahaja laluan sempadan dibuka dan keadaan mengizinkan.



# BANTUAN KECEMASAN

## BANTUAN CSM HOPE

Jumlah Agihan : RM10,394.05

Penerima Manfaat : 450

### Bantuan Bencana

Pada tahun 2024, CSM telah menggerakkan bantuan untuk mangsa banjir di dalam negara iaitu Johor dan Pantai Timur Malaysia serta di luar negara iaitu Libya. Bantuan ini bagi membantu mangsa yang ditimpa ujian dengan mengurangkan sedikit beban mereka melalui bantuan seperti barangan, makanan serta wang tunai.

### Bantuan Asnaf

Inisiatif juga dilakukan bagi membantu asnaf yang berada di dalam negara seperti bantuan perubatan, agihan makanan dan barangan keperluan lain.

Pada tahun ini, CSM telah menyantuni saudara asnaf kita yang terdiri daripada golongan gelandangan, pelarian, komuniti ppr dan sebagainya. Tim CSM telah turun sendiri bagi menyantuni komuniti ini bagi menyampaikan amanah yang diberikan orang ramai.



### Bantuan Kecemasan Awal

Bantuan ini ditumpukan kepada bantuan awal ketika berlakunya bencana, konflik, atau krisis kemanusiaan. Pada tahun ini, CSM telah mengagihkan bantuan awal berbentuk agihan makanan kepada saudara yang memerlukan apabila krisis kemanusiaan berlaku ketika Israel menyerang Lubnan. Justeru, bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka di sana.

# AGIHAN BANTUAN PENDIDIKAN



## SEKOLAH KITA I

Jumlah Agihan : RM165,980.06  
Penerima Manfaat : 490



## SEKOLAH KITA III

Jumlah Agihan : RM866,371.85  
Penerima Manfaat : 1,343



## RUANG KITA

Jumlah Agihan : RM23,100.00  
Penerima Manfaat : 336



### 2,169

Penerima manfaat  
keseluruhan untuk  
bantuan pendidikan.



### RM1,055,451.91

Dana diagihkan bagi  
bantuan pendidikan pada  
tahun 2024.





# BANTUAN PENDIDIKAN SEKOLAH KITA I

Jumlah Agihan : RM165,980.06

## Mafraq, Jordan

Sekolah KITA I merupakan sekolah pertama yang ditubuhkan pada tahun 2016 bagi menyediakan pendidikan tidak formal kepada pelarian Syria yang menetap di Mafraq, Jordan.

Mafraq merupakan antara wilayah dengan jumlah pelarian Syria tertinggi, dan ramai dalam kalangan kanak-kanak ini tercicir daripada sistem pendidikan formal.

Justeru, CSM mengambil inisiatif untuk memberikan pendidikan percuma sebagai usaha untuk membuka peluang masa depan yang lebih baik kepada anak-anak pelarian.

Sekolah ini dikendalikan oleh sukarelawan pelajar Malaysia di Jordan bersama tenaga pengajar tempatan. Sesi pembelajaran menggunakan sukatan pelajaran daripada Kementerian Pendidikan Jordan dan menumpukan kepada asas literasi, numerasi serta nilai-nilai kehidupan.



Dengan sumbangan sebanyak RM165,980.06, bantuan pendidikan ini merangkumi elaun guru, pengangkutan pelajar, sewaan premis, utiliti serta kos pengurusan. Sokongan para penderma amat penting dalam memastikan kelangsungan pendidikan percuma ini terus dapat dinikmati oleh anak-anak pelarian yang dahagakan ilmu dan harapan untuk masa depan yang lebih baik.

# BANTUAN PENDIDIKAN SEKOLAH KITA III

Jumlah Agihan : RM866,371.85

## Pusat Bimbingan Alternatif Cinta Syria Malaysia, Bandar Baru Bangi

Sekolah KITA III atau dikenali sebagai Pusat Bimbingan Alternatif Cinta Syria Malaysia (PBACSM), ditubuhkan pada tahun 2018 sebagai inisiatif pendidikan berstruktur kepada anak-anak pelarian Syria yang menetap di Malaysia. Sekolah ini beroperasi di Bangi dan menggunakan kurikulum antarabangsa IGCSE (*International General Certificate of Secondary Education*).

Kini, sekolah ini menampung seramai 72 orang pelajar pada setiap sesi dan dikendalikan oleh 11 guru serta 8 orang staf pentadbiran dan sokongan.

Selain aktiviti akademik, PBACSM juga menganjurkan pelbagai aktiviti pembangunan sahsiah, kokurikulum dan bimbingan psikososial bagi memastikan pelajar bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi turut berkembang dari aspek emosi dan sosial.



Dengan sumbangan sebanyak RM866,371.85, bantuan pendidikan ini merangkumi elaun guru, yuran IGCSE, sewaan premis, utiliti serta kos pengurusan dan aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar. Sokongan para penderma amat penting dalam memastikan kelangsungan pendidikan percuma ini terus dapat dinikmati oleh anak-anak pelarian yang dahagakan ilmu dan harapan untuk masa depan yang lebih baik.



# BANTUAN PENDIDIKAN RUANG KITA

Jumlah Agihan : RM10,394.05

Penerima Manfaat : 450

## Mafraq, Jordan

Ruang KITA merupakan inisiatif pendidikan yang terbahagi kepada dua komponen utama: kelas pengukuhan sekolah rendah dan sesi asas literasi untuk tadika. Bagi sekolah rendah, terdiri daripada anak Syria berumur 8 - 13.

Objektif utama adalah untuk memperkukuhkan pemahaman pelajar terhadap asas 3M (Membaca, Menulis, Mengira) dan membantu mereka yang berdepan dengan cabaran emosi serta trauma peperangan yang mengganggu pembelajaran mereka.

Bagi peringkat tadika pula, sesi khas disediakan untuk kanak-kanak berumur 6 hingga 7 tahun, dengan tumpuan kepada persediaan awal literasi dan numerasi sebelum memasuki tahap persekolahan rendah.

Projek ini adalah dengan usahasama Childrity bagi membantu anak-anak Syria yang memerlukan pendidikan di sana.



Dengan sumbangan sebanyak RM23,100.00, bantuan pendidikan ini menampung elaun guru, bil utiliti, pembelian alat tulis dan bahan bantu mengajar, aktiviti serta makanan pelajar. Sokongan para penderma amat penting bagi memastikan pendidikan percuma ini terus dinikmati oleh anak-anak pelarian yang dahagakan ilmu dan mengimpikan masa depan yang lebih cerah.

# HALA TUJU

## PASCA KONFLIK SYRIA



### FASA PEMULIHAN & BANTUAN KECEMASAN

Memberi bantuan segera kepada rakyat Syria yang terjejas teruk akibat konflik yang panjang sebelum ini. Dalam fasa awal pasca peralihan kuasa ini, fokus utama CSM adalah untuk meredakan penderitaan rakyat melalui penyediaan keperluan asas seperti makanan, perubatan, tempat perlindungan dan air bersih.

### FASA PEMULIHAN SOSIAL & PENDIDIKAN

Menghidupkan kembali struktur asas masyarakat melalui pendidikan dan sokongan sosial selepas tempoh kemusnahan besar-besaran akibat peperangan. CSM berhasrat untuk memainkan peranan penting dalam membina semula masa depan anak-anak Syria.



### FASA PEMULIHAN EKONOMI KOMUNITI

Menyokong proses pemulihan jangka sederhana dan panjang melalui pembangunan ekonomi komuniti secara kecil-kecilan dan berasaskan keupayaan tempatan. CSM berazam untuk membantu rakyat Syria untuk berdikari semula dengan menyediakan latihan kemahiran dan sokongan modal asas.



# TERIMA KASIH

## 'YOUR HELP, THEIR FUTURE'

Cinta Syria Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penyumbang yang telah menjadi tulang belakang kepada misi kemanusiaan kami. Sumbangan anda tidak hanya menyentuh satu aspek kehidupan, malah merangkumi tiga bidang utama iaitu kebajikan, bantuan kecemasan dan pendidikan, yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam memulihkan semula kehidupan pelarian Syria.

Impak melalui sumbangan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan sokongan kesihatan, kepada menghantar bantuan kecemasan ketika bencana dan sekatan berlaku, sehinggalah membuka akses pendidikan percuma kepada anak-anak yang terkesan, setiap ringgit yang anda huluskan telah memberikan makna besar dalam kelangsungan hidup mereka.

Anda bukan sekadar penyumbang. Anda adalah pemegang harapan. Bersama anda, kami dapat menyalakan semula harapan dan masa depan buat mereka yang diuji. Semoga segala kebaikan ini menjadi amal jariah berpanjangan, dan terus memberi manfaat kepada ribuan insan yang sangat memerlukan. Terima kasih kerana terus memilih untuk peduli.

*'Your Help, Their Future'*



☎ 03 8211 1012 / 011 3313 7539  
 ✉ pr@cintasyriamalaysia.com  
 🌐 www.cintasyriamalaysia.com

Disediakan oleh,  
**Bahagian Perhubungan Penyumbang**  
**Persatuan Cinta Syria Malaysia**





*"Your Help. Their Future"*

**PERSATUAN CINTA SYRIA MALAYSIA**  
(PPM-014-10-11082014)

8-19-2, Jln Medan Pusat Bandar 7A, Seksyen 9,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor.

